

APLIKASI FAWASIL AL-QURAN DALAM MANUSKRIP AL-QURAN DI ALAM MELAYU

Mohd Nazir Kadir

Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi
Ketua Pusat Islam, Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), Johor.

Mohd Faizulamri Mohd Saad

Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor.

Corresponding Author's Email: nazir@marsah.edu.my

Article history:

Received : 3 March 2022

Accepted : 17 October 2022

Published : 27 December 2022

ABSTRAK

Penulisan dan penyalinan ayat-ayat suci al-Quran telah pun bermula sejak zaman Baginda s.a.w. Ia merupakan satu tradisi yang berlaku hingga ke hari ini. Pelbagai inovasi dalam penandaan bacaan al-Quran telah diperkenalkan yang dipelopori oleh Abu Aswad al-Duali bagi *harakah* yang berwarna merah (wafat 688M). Penandaan *fasilah* bagi ayat al-Quran tidak terlepas melalui beberapa fasa perubahan yang berlaku terhadap manuskrip-manuskrip al-Quran dalam dunia Islam. Artikel ini bertujuan mengklafikasikan tanda-tanda *fasilah* yang digarap oleh para penyalin berdasarkan manuskrip-manuskrip al-Quran yang terdapat di Alam Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang berasaskan rekabentuk analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa corak tanda *fasilah* yang diaplikasi oleh para penyalin sebanyak 5 bentuk iaitu (1) bulatan, (2) titik, (3) tanda (‘), (4) tanda huruf dan (5) tanpa sebarang tanda. Berdasarkan hasil kajian ini adalah dicadangkan untuk dilakukan kajian lanjutan berdasarkan sumber pengambilan teori terdapat kepelbagaian tanda *fasilah* tersebut.

Kata kunci: *Fawasil, Fasilah, Manuskrip Al-Quran, Alam Melayu*

APPLICATION OF FAWASIL AL-QUR'AN IN AL-QUR'AN MANUSCRIPT IN MALAY LANDS

ABSTRACT

The writing and copying of the holy verses of the Quran has already started since the time of His Majesty s.a.w. It is a tradition that continues to this day. Various innovations in marking the recitation of the Quran have been introduced, pioneered by Abu Aswad al-Duali for the red colored movement (died 688 AD). Fasilah marking of verses of the Quran has not escaped through several phases of change that occur in the manuscripts of the Quran in the Islamic world. This article aims to clarify the fasilah signs worked by the copyists based on the manuscripts of the Quran found in the Malay world. This study uses a qualitative method based on document analysis design. The results of the study found that the pattern of punctuation marks applied by the copyists is 5 forms, namely (1) circle, (2) dot, (3) mark ('), (4) letter mark and (5) without any mark. Based on the results of this study, it is suggested to carry out further research based on the source of the theory that there is a diversity of the definition.

Keywords: *Fawasil, Fasilah, Al-Quran Manuscript, Malay Nature*

PENDAHULUAN

Penulisan al-Quran merupakan satu usaha penyalinan semula ayat-ayat suci al-Quran yang bermula sejak zaman Nabi SAW lagi. Diikuti khalifah seterusnya dengan mengekalkan bentuk gaya penulisan, susunan, bentuk tulisan iaitu rasm dan kosong dari sebarang tanda-tanda bacaan. Begitu juga manuskrip al-Quran yang dijumpai atau disimpan adalah satu budaya penyalinan semula ayat-ayat al-Quran. Penyalinan ayat-ayat suci al-Quran di Alam Melayu terus menerus bermula sejak abad ke-16 Masihi lagi (Asep Saefullah 2008) hingga pertengahan atau akhir abad ke-19 Masihi. Penemuan-penemuan terbaru membuktikan bahawa beberapa buah manuskrip al-Quran masih boleh didapati di negara-negara seperti Sumatera, Jawa, Kalimantan, Pattani, Sulawesi, Malaysia, Brunei dan sebagainya. Mohd Asmadi Yakob et al menyebut, kewujudan manuskrip-manuskrip al-Quran tersebut menunjukkan bahawa tradisi penyalinan al-Quran pada masa dahulu cukup meluas (2014).

Berdasarkan kajian lapangan di beberapa tempat yang menyimpan manuskrip al-Quran, menemui beberapa buah manuskrip al-Quran tulisan tangan yang mempunyai keistimewaan yang tersendiri sama ada pada aspek iluminasi, kaligrafi mahupun kandungan manuskrip. Dalam kajian ini, pengkaji menfokuskan terhadap implikasi *fawasil* dalam penyalinan manuskrip-manuskrip al-Quran di Alam Melayu sama ada yang didapati secara langsung atau berbentuk gambar digital dalam internet. Walau bagaimanapun pengkaji juga akan menampilkan beberapa manuskrip al-Quran bukan dari Alam Melayu seperti Timur Tengah sebagai maklumat tambahan. Di samping melihat

hubungkait antara bentuk-bentuk penyalinan ayat-ayat suci al-Quran dari sudut tanda-tanda *fasilah*.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang berasaskan rekabentuk analisis dokumen. Segala maklumat diperoleh dengan cara pemerhatian secara langsung terhadap bahan kajian dengan melakukan kajian lapangan di beberapa lokasi seperti muzium, galeri, arkib negara dan pertemuan individu. Walau bagaimanapun pemerhatian juga dilakukan terhadap *sample* gambar beberapa buah manuskrip al-Quran secara digital. Kemudian dokumen dianalisis dengan membuat pemerhatian setiap manuskrip dan akhirnya membuat satu kesimpulan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan bagi mengklasifikasikan tanda-tanda *fasilah* terhadap manuskrip-manuskrip al-Quran berdasarkan corak yang dipilih oleh para penyalin mashaf.

PENGENALAN FAWASIL

Dari sudut etimologi lafaz (فواصل) adalah kata berbilang bagi (فاصلة). Manakala dari makna terminologi Imam al-Suyuti berkata: “*Fasilah* ialah akhir ayat pada ayat, seperti yang terdapat pada syair dan sajak”. Imam al-Dani pula berkata: “*Fasilah* ialah kalimah terakhir bagi jumlah” (Al-Suyuti 2008). Namun begitu Imam al-Dani tampil dengan memberikan perbezaan antara *fasilah* dan ‘kepala ayat’ (رأس الآية). Menurut beliau *fasilah* ialah (الكلام التام المنفصل) ucapan sempurna yang terpisah dengan selepasnya dan ucapan yang sempurna pula ada kalanya berlaku pada ‘kepala ayat’. Begitu juga *fawasil* yang berlaku pada mana-mana ‘kepala ayat’ dan selainnya. Setiap ‘kepala ayat’ adalah ayat *fasilah* dan bukanlah setiap *fasilah* ayat itu ‘kepala ayat’. Oleh itu *fasilah* adalah lebih umum yang mencakupi pada dua bahagian (Al-Mas’ul 2011).

Berdasarkan definisi tersebut *fasilah* yang menjadi perbincangan dalam ilmu *fawasil* adalah adalah penentuan bagi akhir ayat al-Quran, sama ada ia dikira sebagai ayat atau pun sebaliknya. Namun begitu terdapat beberapa ayat yang dipersilahkan di kalangan ulama *fawasil* yang menyebabkan perubahan jumlah ayat-ayat al-Quran secara keseluruhannya. Walaupun perselisihan ini berlaku di kalangan ulama *fawasil*, namun ia tidak sedikit pun menjejaskan susunan ayat al-Quran. Bahkan al-Dani (2014) menegaskan sekalipun penisbahan terhadap para imam, namun ia berdasarkan kaedah riwayat dan *tauqif* sebagaimana yang berlaku dalam perbezaan wajah qiraat yang diambil dari para sahabat. Selain itu al-Mukhallilati (2009) ketika mensyarahkan matan *Nazimah al-Zuhri*, bernombor 16 menyatakan terdapat beberapa hadis dan *athar* yang menyebut baginda s.a.w. dan sahabat menghitung ayat-ayat al-Quran. Oleh itu ia menjadi bukti kukuh bahawa perbincangan ilmu *fawasil* ini merupakan warisan yang diterima oleh ulama dari para salaf.

Sorotan kajian mendapati penulisan ayat-ayat al-Quran pada mushaf-mushaf terawal (*al-masāhif al-qadīmah al-ūlā*) sama ada pada zaman baginda s.a.w. atau sahabat mendapati tidak disertakan nombor ayat bagi *fasilah*. Hal ini dijelaskan oleh Ghanim Qadduri bahawa selain mengajar al-Quran para sahabat dan tabiin juga akan memberi perhatiannya pada aspek waqaf. Manakala penandaan tanda bacaan mula diperkenalkan bagi menunjukkan *fasilah* dimulai dengan tanda titik tiga (ثلاث نقاط) yang kemudiannya berlaku perubahan dengan diberi tanda bulat (دائرة). Dalam perkembangan seterusnya, barulah disertakan nombor dalam bulatan tersebut (1994). Abu Zaki Ismail & Mohd Yakub lebih memperincikan perletakan tanda *fasilah* telah bermula pada zaman Khalifah al-Ma'mūn, iaitu pada tahun 833M bersamaan 218H (2016). Hal yang sama juga yang berlaku terhadap manuskrip-manuskrip al-Quran di Alam Melayu, hadir dengan pelbagai kaedah penandaan *fasilah* seperti yang akan diterangkan kemudian.

PERBINCANGAN

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan terhadap beberapa manuskrip al-Quran, pengkaji mendapati bahawa penyalin menerapkan beberapa corak penandaan bagi *fasilah* ayat. Bagi melihat dengan jelas corak penandaan *fasilah* yang terdapat pada manuskrip-manuskrip al-Quran, berdasarkan hasil pembacaan dan pemerhatian secara langsung, pengkaji menemukan sebanyak lima (5) corak utama penandaan yang diaplikasi oleh para penyalin mushaf :

1. Tanda Bulat

Teknik penandaan ini sebenarnya banyak diterapkan dalam beberapa buah manuskrip al-Quran di Alam Melayu. Kebiasaannya penandaan *fasilah* akan dilakukan setelah selesai melakukan proses penyalinan teks al-Quran. Namun begitu berdasarkan hasil pemerhatian terhadap beberapa buah manuskrip al-Quran pengkaji membuat kesimpulan teknik penandaan seperti ini terbahagi kepada dua corak:

I. Bulat Tanpa Nombor

Bagi melihat dengan lebih jelas pengkaji mendatangkan beberapa contoh manuskrip al-Quran antaranya mashaf yang tulis oleh al-Faqir ila Allah 'Alwi bin Ahmad bin Hasan bin 'Abdullah al-Hadad Ba'alawi, tahun 1190H yang dipamerkan dalam kotak pameran *prospex* plastik jernih. Manuskrip ini merupakan salah satu koleksi Galeri Pusat Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) dengan menerapkan perbahasan qiraat di bahagian luar teks utama. Melalui proses semakan dan pengesahan dengan Ali Akbar melalui kiriman emel pada 15 Ogos 2017, manuskrip al-Quran tersebut merupakan tradisi mashaf Bugis, Sulawesi Selatan abad ke-19. Berdasarkan tanda *fasilah* ia menerapkan tanda bulat tanpa nombor serta bewarna coklat. Kesempatan beberapa kali melihat manuskrip ini di galeri menyebabkan pengkaji memohon










keizinan kepada pihak galeri untuk membuat satu pemerhatian. Manuskrip ini sangat indah dan jenis dari sudut iluminasi dan penggunaan warna yang menyerlah. Masih menggunakan kertas asal tanpa lapisan pengawet.

Kaedah yang sama juga pada manuskrip al-Quran Terengganu IAMM 2012.13.6 yang dikaji oleh Riswadi Azmi (2017) dalam tesis doktor falsafahnya. Manakala dari sudut pemilihan warna bulatan dalam manuskrip ini adalah menurut beliau warna merah menjadi pilihan penyalin beserta ruangan dalam bulatan bewarna kuning (2020) atau warna keemas-emasan. Manuskrip ini juga mengandungi perbincangan qiraat. Mashaf seterusnya adalah manuskrip al-Quran dari Keraton Qadariah, Pontianak abad ke-19. Manuskrip tersebut disimpan rapi dalam kotak pameran di bahagian pameran yang terdapat di Taman Warisan Melayu (TWM), Lembaga Warisan Negara, Singapura. Manuskrip ini merupakan pemberian dari Habib Syed Hassan al-Attas kepada TWM. Lawatan pengkaji pada 12 Februari 2020 mendapati manuskrip tersebut menggunakan kaedah penandaan bulatan merah tanpa warna di dalamnya dengan penerapan kaedah titik bewarna hitam di tengah-tengah bulatan.

Beralih kepada manuskrip al-Quran Pattani, pada 26 September 2018 pengkaji berkesempatan mengunjungi mini pameran al-Quran dan kitab-kitab lama yang diadakan di Masjid Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Antara yang dipamerkan adalah sebuah manuskrip al-Quran berusia lebih 300 tahun. Berdasarkan maklumat yang terdapat pada kapsyen, manuskrip ini tidak dikenali penyalinnya dan ditulis pada kertas kulit kayu. Kaedah penandaan *fasilah* pula bulatan merah dan bertitik hitam di tengah-tengah. Adakalanya titik hitam beserta tanda waqaf seperti tanda (ﻻ) atau tanda-tanda lain seperti huruf (ط) dan terdapat juga beberapa tempat yang hanya diberi tanda bulat merah sahaja. Namun begitu teknik penandaan *fasilah* dalam manuskrip ini agak kurang cermat kerana kedudukan titik adakalanya berada di dalam dan luar bulatan. Walau bagaimanapun ia tidak menjejaskan teks ayat-ayat suci al-Quran.

Seterusnya kaedah yang serupa dengan diberi tanda dalam bulatan adalah sebuah manuskrip al-Quran Turki yang disimpan di Yayasan Warisan Johor (YWJ), Johor Bahru bernombor kod YWJ68197 MSI.4 (Mohd Nazir et.al 2020) dan empat buah lagi di Anjung Warisan Dan Kesenian Islam (AURA ISLAM), Nusajaya, Johor Darul Ta'zim. Kelima-lima manuskrip al-Quran ini mempunyai keunikan yang tersendiri iaitu ciri hiasannya yang sangat indah, penuh dengan unsur alam flora yang dipenuhi dengan warna keemasan. Ini menunjukkan penghasilan penulisan manuskrip al-Quran ini penuh ketelitian dan lebih bernilai. Berdasarkan manuskrip al-Quran tersebut yang disimpan di YWJ mendapati para penyalin menggunakan kaedah bulat hitam beserta warna keemasan di dalamnya. Namun begitu corak penandaan dalam bulatan adakalanya ditandakan dengan bentuk seperti huruf (ا), tanda tiga garis-garis cabang.

Jadual 1: Tanda Bulat Tanpa Nombor

No	Jenis Manuskrip Al-Quran	Tanda Fasilah
1	Manuskrip al-Quran tulisan al-Faqir ila Allah 'Alwi bin Ahmad bin Hasan bin 'Abdullah al-Hadad Ba'alawi.	
2	Manuskrip al-Quran Terengganu IAMM 2012.13.6	
3	Manuskrip al-Quran dari Keraton Qadariyah, Pontianak abad ke-19.	
4	Manuskrip al-Quran Pattani di mini pameran al-Quran di Masjid UKM pada 26 Sept 2018.	
		
		
		
5	Manuskrip al-Quran Turki di YWJ.	
		

II. Bulat Beserta Nombor





Tanda *fasilah* dengan bentuk bulatan beserta nombor boleh didapati dalam mashaf-mashaf cetakan terkini. Ini bertujuan memudahkan pembaca mengenalpasti nombor bagi sesebuah ayat. Abu Zaki Ismail & Mohd Yakub (2016) menyatakan berdasarkan pemerhatian terhadap mashaf-mashaf klasik mendapati ia tidak mencatatkan sebarang nombor sehingga kurun ke 20 Masihi. Namun kebanyakan manuskrip al-Quran sebelum kurun ke-20 Masihi menggunakan tanda bulat tumpat berwarna emas sebagai tanda ayat, tanpa nombor.



Hasil perjalanan eksplorasi untuk menjejaki bahan-bahan dan sumber baharu dalam kajian manuskrip al-Quran, pengkaji menemukan sebuah mashaf di Yayasan Warisan Johor (YWJ) cetakan Matba'ah al-Anwar al-Muhammadiyah bernombor 255. Bertulis tarikh 9 Jun 1974M bersamaan 18 Jumadil Awal 1394H. Mashaf al-Quran ini diberi nama *Mushaf Jawami'e Sharif* dengan mendapat pengesahan dari Majma' Buhuth al-Islamiyyah, al-Azhar al-Sharif

pada tahun 1390H bersamaan 1970M. Sebuah lagi mashaf dari cetakan Dar al-Taba‘ah al-Misriyyah al-Kubra, Sulaiman Mar‘i, Singapura dengan tertulis tahun 1376H. Mashaf ini dijumpai di Masjid Jamek Sultan Ibrahim, Muar, Johor yang disusun di rak bersama-sama mashaf-mashaf lain untuk dibaca oleh para jemaah. Pengkaji mendapati mashaf ini mempunyai catatan qiraat di bahagian tepi pada hampir keseluruhan halaman. Berdasarkan maklumat tersebut pengkaji mengandaikan bahawa ia ditulis oleh pembaca sendiri. Antara tarikh yang tercatat adalah 31.10.1988 bagi halaman surah *al-Shams*. Mashaf seterusnya juga cetakan Singapura dengan tertulis di kulit luar, Qur’an Karim. Mashaf tanpa catatan tahun ini merupakan cetakan Matabi’ al-Offset Sulaimn Mar’i. Berdasarkan tanda fasilah pada kedua-dua mashaf tersebut, selain bulat beserta nombor ayat, mashaf ini juga menerapkan tanda-tanda waqaf pada beberapa ayat. Berdasarkan seni kaligrafi kedua-dua mashaf ini didapati ia adalah hampir sama, oleh itu kebarangkalian merupakan cetakan reproduksi, iaitu cetakan yang digunakan dari naskhah lainnya seperti beberapa cetakan mashaf di Malaysia menggunakan teks ayat al-Quran dari mashaf cetakan Madinah. Walau bagaimanapun ia memerlukan penelitian menyeluruh bagi memastikan ia benar-benar reproduksi atau lainnya.

Melihat kepada kaedah penulisan Mushaf Istiqlal yang telah dirasmikan oleh Presiden Soeharto pada 15 Oktober 1991 agak berbeza dari kaedah-kaedah penulisan mushaf lain. Mashaf ini mempunyai 13 baris kecuali halaman akhir surah yang kadang-kadang diberi iluminasi tambahan. Kaedah penulisan ayat yang menggunakan model teks tengah (*center text*), tidak seperti mashaf-mashaf lainnya yang memenuhi ruang tepi kanan-kiri. Seterusnya adalah sebuah mashaf yang dicetak dan diedarkan oleh syarikat Nur al-Gharbi di Johor Bahru, Malaysia. Mashaf ini telah disemak oleh Haji Hasbullah bin Haji Abdul Razak, Qadi Besar Johor dan Haji Sya’ari bin Abdullah, Penolong Qadi Besar Johor. Walau bagaimanapun tiada catatan tahun yang menunjukkan tarikh cetakan mahupun semakan. Oleh itu mashaf ini dianggarkan sekitar tahun tersebut.

Jadual 2: Tanda Bulat Beserta Nombor

No	Jenis Manuskrip Al-Quran	Tanda Fasilah
1	Mashaf cetakan Matba‘ah al-Anwar al-Muhammadiyah bertarikh 9 Jun 1974M bersamaan 18 Jumadul Awal 1394H.	
2	Manuskrip al-Quran Mushaf Jawami‘i Sharif, tahun 1974M	
3	Mashaf cetakan Dar al-Taba‘ah al-Misriyyah al-Kubra, Sulaiman Mar‘e, Singapura.	
4	Cetakan Matabi’ al-Upisit Sulaiman Mar’i	




5	Mushaf Istiqlal yang telah dirasmikan oleh Presiden Soeharto pada 15 Oktober 1991	
6	Dicetak dan diedarkan oleh syarikat Nur al-Gharbi di Johor Bahru, Malaysia. Tanpa catatan tahun.	



2. Titik Sahaja

Pemerhatian terhadap beberapa buah manuskrip juga mendapati kaedah menandaan *fasilah* pada sebagian manuskrip al-Quran hanya dengan titik sahaja. Ini dapat dilihat pada beberapa gambar lembaran manuskrip al-Quran Brimingham yang dijumpai pada bulan Julai 2015. Zaki Faddad & Anggi Wahyu Ari (2021) menyebut nama Birmingham diambil kerana manuskrip tersebut kini menjadi koleksi Perpustakaan Riset Cadbury di Universitas Birmingham. Melalui analisa radiokarbon, manuskrip tersebut dianggarkan antara tahun 568 Masihi hingga 645 Masihi. Berdasarkan pemerhatian terhadap gambar pada surah *Taha*, pengkaji mendapati penyalin menerapkan kaedah titik empat dan lima. Kaedah yang sama juga seperti pada mashaf Ibnu Bawwab dengan menggunakan titik tiga. Khairul Anuar menyebut mashaf Ibnu Bawwab tidak ditanda dengan sebarang nombor pada setiap akhir ayat (2020). Namun begitu dengan melakukan pemerhatian terhadap gambar berdasarkan surah *al-Lail* yang terdapat dalam mashaf Ibnu Bawwab, pengkaji mendapati penandaan *fasilah* adalah berbeza setiap ayat ke-5 dan ayat ke-10.

Pendekatan keadah titik tiga boleh juga diperhatikan pada manuskrip al-Quran dari Sudan atau Afrika Barat, abad ke-19 Masihi (6 Jun 1812M) bersamaan abad ke 13 Hijri (25 Jumadil Awal). Mashaf seterusnya dari India Tengah pada abad ke-17 Masihi bersamaan abad ke-10 Hijri dengan menerapkan enam titik pada *fasilah*. Terdapat juga mashaf yang menggunakan tujuh titik dalam bulatan sebagaimana yang terdapat dalam Mushaf al-Mukhallilāti, tahun 1308H/1891M (Abu Zaki Ismail & Mohd Yakub 2016).

Jadual 3: Tanda Titik

No	Jenis Manuskrip Al-Quran	Tanda Fasilah
1	Manuskrip al-Quran dari Sudan atau Afrika Barat, abad ke-19M. Sumber: Abu Zaki Ismail & Mohd Yakub @ Zulkifli (2016).	
2	Mashaf dari India Tengah pada abad ke 17M/ 10 H. Penerapan enam titik hitam. Sumber: Abu Zaki Ismail & Mohd Yakub @ Zulkifli (2016).	
3	Mashaf Ibnu Bawwab	

		
4	Mashaf al-Mukhallilati pada tahun 1891M/ 1308H	

3. Tanda (‘)

Selain itu terdapat juga mansukrip al-Quran yang diberi tanda seperti (‘) sebagai tanda *fasilah*. Ini jelas kelihatan pada sebuah manuskrip al-Quran yang terdapat di Galeri Pusat Islam, Johor. Hasil lawatan pengkaji mendapati mashaf ini menggunakan kaedah 19 baris dengan memenuhi ruang tepi teks utama. Berdasarkan maklumat yang diperolehi pada catatan kolofon, pengkaji mendapati nama penyalin manuskrip al-Quran ini adalah al-Faqir Ahmad bin al-Marhum ‘Awad bin Ahmad bin Isa bin ‘Abd al-Kindi, selesai pada hari Ahad, 26 Rejab 1137H.



Gambar 1: Nama penyalin, Al-Faqir Ahmad bin al-Marhum ‘Awad bin Ahmad bin Isa bin ‘Abd al-Kandi,
Sumber: Galeri Pusat Islam, Johor

4. Tanda Huruf

Tanda *fasilah* seterusnya adalah huruf-huruf seperti yang terdapat pada Mushaf Ridhwan al-Mukhallilati (wafat 1311H). Khairul Anuar menyebut bahawa mushaf tersebut telah ditulis oleh Ridhwan al-Mukhallilati mengikut kaedah rasm ‘Uthmani dengan mengambil kira pendapat yang kuat samada dari sudut rasm atau dabt. Maklumat tersebut dapat diperolehi berdasarkan kenyataan beliau dalam mukadimah mashaf tersebut, iaitu dengan merujuk pendapat Abu Amru al-Dani dan juga pendapat Abu Daud Sulaiman Ibn Najah. Sempurna penyalinan pada tahun 1308H bersamaan 1890M dan dicetak oleh syarikat percetakan al-Bahiyah pada tahun yang sama (Khairul Anuar 2020). Teknik penandaan *fasilah* dalam mashaf tersebut adalah dengan diberi tanda titik 7 seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Namun begitu tanda *fasilah* tersebut adakalanya diberi tanda waqaf huruf-huruf hijaiyyah pada sesetengah tempat seperti huruf (ص), (ج), (ت) dan (ك). Walau bagaimanapun terdapat beberapa halaman yang hanya diberi tanda waqaf sahaja seperti halaman 9, ayat 79, juz 1 hingga halaman 16 ayat 177, juz ke-2.



Gambar 2: Mashaf al-Mukhallilati
Sumber: Khairul Anuar (2020)




5. Tanpa Tanda

Terdapat juga beberapa manuskrip al-Quran di Alam Melayu yang lain tidak menerapkan apa jua tanda sebagai *fasilah* ayat. Riswadi (2017) menjelaskan dengan memberi contoh manuskrip al-Quran dari Lombok, kajian M. Syatibi AH. Namun penyalin manuskrip tersebut menjarakkan sedikit ayat sebelum dengan ayat selepas. Hal ini agak menyukarkan pembaca untuk memberhentikan bacaan pada tempat yang sepatutnya. Contoh lain seperti manuskrip al-Quran bukan Nusantara dengan catatan perbahasan qiraat yang terdapat di Galeri Pusat Islam, Johor. Oleh kerana lokasinya yang dekat dan sinonim dengan pengkaji, memberi peluang beberapa kali untuk membuat kajian pemerhatian dan pengumpulan data. Pemerhatian terhadap manuskrip ini mendapati kedudukan dua surah terakhir pada halaman penutup (Surah *al-Falaq* dan Surah *al-Nas*) adalah melangkau beberapa halaman kosong. Malah pengkaji mendapati kedua-dua surah tersebut disalin tanpa sebarang tanda *fasilah* mahupun warna merah sebagai tanda bacaan sebagaimana pada halaman-halaman yang lain. Pemerhatian terkini pada 5 Ogos 2021 terhadap catatan kolofon manuskrip al-Quran bukan Nusantara ini secara umumnya, pengkaji mendapati terlalu banyak catatan tulisan tangan seperti nama-nama individu dan beberapa tarikh yang berbeza. Pengkaji membuat andaian bahawa manuskrip ini telah mengalami beberapa kali pemindahan milik dan situasi seperti tarikh khatam dan tarikh pertukaran milik. Agak berbeza dengan manuskrip al-Quran lain, dalam manuskrip ini surah *al-Nas* ditulis dengan nama surah *al-Khannas*.

Selain itu terdapat lagi beberapa manuskrip al-Quran yang sebahagian ayat tanpa tanda *fasilah* seperti manuskrip al-Quran Lombok yang menjadi koleksi Museum Negeri NTB bernombor 07. 1278. dan 6077. Melihat kepada tanda *fasilah* dalam surah *al-Fatihah*, dalam manuskrip ini pemilihan tanda *fasilah* adalah berbentuk bulat merah iaitu pada *Basmalah*, (أَنعَمْتَ عَلَيْهِم) dan pada ayat terakhir sahaja, selebihnya tanda sebarang tanda. Namun terdapat juga pada halaman lain yang mempunyai tanda *fasilah* pada setiap ayat. Penggunaan warna bagi bulatan pula adakalanya tidak konsisten (<https://seamushaf.kemenag.go.id/>). Seterusnya sebuah manuskrip al-Quran tanpa sebarang tanda *fasilah*, sebuah mashaf milik Tabal yang dianggarkan sekitar dalam tahun 1800M. Mashaf ini mempunyai ragam hias Terengganu versi cetakan yang disimpan oleh Prof. Madya Dr. Mohd Roslan bin Mohd Nor. Mashaf ini berukuran folio 28x18cm yang bersaiz sederhana dengan menggunakan kertas eropah (Riswadi 2020). Walau bagaimanapun pengkaji tidak dapat menentukan kaedah penandaan *fasilah* dalam manuskrip al-Quran tersebut secara keseluruhan kerana

keterbatasan hanya melihat pada gambar lampiran bagi surah al-Falaq yang terdapat dalam buku Manuskrip Al-Quran Emas Warisan Kesultanan Terengganu oleh Riswadi Azmi (2020).

Jadual 4: Tanda (‘)

No	Jenis Manuskrip Al-Quran	Tanda Fasilah
1	Manuskrip al-Quran bukan Nusantara	
2	Manuskrip al-Quran Lombok yang menjadi koleksi Museum Negeri NTB bernombor 07. 1278. dan 6077	
3	Manuskrip al-Quran Terengganu milik Tuan Tabal, sekitar tahun 1800M.	

KESIMPULAN

Kaedah penandaan *fasilah* pada manuskrip-manuskrip al-Quran bolehlah disimpulkan bahawa ia ditulis tanpa menyertakan nombor ayat. Pengkaji beranggapan bahawa para penyalin sengaja tidak meletakkan nombor ayat kerana tiada keperluan yang mendesak ketika itu. Malah ayat-ayat suci al-Quran telah tersusun rapi tanpa sedikit perubahan pun, sekalipun susunan halaman tidak sama namun susunan ayat tetap sama, tanpa sedikit perubahan. Oleh itu penomboran dalam *fasilah* ayat-ayat al-Quran datang lebih terkemudian kerana ketika itu keperluan bagi mengetahui nombor ayat dengan lebih mudah. Kenyataan ini juga dikuatkan oleh Abu Zaki Ismail & Mohd Yakub (2016) kerana sikap waspada dalam menjaga keaslian teks al-Quran, sehingga percetakan al-Quran sendiri hanya berlaku selepas para ulama memutuskan keharusannya.

Walaupun terdapat hadis-hadis yang jelaskan tentang penomboran ayat al-Quran seperti yang disebut oleh Imam al-Dani (2014 & 1994) dalam kitabnya *Al-Bayan*, dengan menjadikan ia satu bab khas, *Bab Zikr al-Sunan wa al-Athar allati fiha Zikru Jumal Aiy al-Suwar*, iaitu satu bab yang menyebut tentang hadith-hadith dan *athar* tentang beberapa jumlah ayat bagi surah-surah. Salah satunya adalah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Huraitah r.a. bahawa Baginda s.a.w. bersabda yang bermaksud:

“*Al-Hamdu* (surah *al-Fatihah*) mempunyai tujuh ayat, salah satunya *Bismillah al-Rahman al-Rahim*. Ia juga Sab‘ul Mathani dan Fatihatul Kitab”. (H.R. al-Baihaqi)

Berdasarkan hadis tersebut dapat difahami bahawa bilangan ayat telah pun berlaku sejak zaman Baginda s.a.w. lagi. Namun ia hanya secara lisan dan dalam masa yang sama para sahabat mengetahui kerana mendapat secara langsung dari Baginda s.a.w seperti ucapan-ucapan Baginda s.a.w. bermaksud: “Sesiapa yang membaca satu ayat”, “Sesiapa yang membaca dua ayat” dan “Sesiapa yang membaca sepuluh ayat”. Imam al-Dani (2014) dengan nada tegas menyatakan bahawa ia adalah *tauqif* kerana para sahabat menyaksikan dan mendengar sendiri dari Baginda s.a.w. tentang jumlah-jumlah ayat tersebut. Malah mereka juga mengetahui permulaan, pertengahan dan akhir bagi sesebuah ayat. Oleh itu bilangan dan jumlah ayat secara lisan dan pengetahuan di kalangan sahabat telah pun diberi petunjuk oleh Baginda s.a.w. Namun penomboran dalam bentuk tulisan masih belum lagi wujud ketika itu sebagaimana yang kita lihat dalam percetakan-percetakan mashaf pada hari ini.

Abu Zaki Ismail & Mohd Yakub (2016) menjelaskan penomboran ayat al-Quran hanya bermula pada mashaf al-Malik Fu'ād I yang dicetak di Mesir berdasarkan petikan kata-kata 'Abd al-Fattāh Al-Qādi: “... dan dicatatkan pada setiap ayat nombornya yang khusus, juga diletakkan tanda wakaf, juzuk, *ḥizb*, *rubu*’...”. Mashaf ini selesai disemak pada 10 Rabiul Akhir 1337H bersamaan 13 Januari 1919M dan siap dicetak pada tahun 1342H, bersamaan tahun 1923M. Ia dikenali sebagai Mushaf al-Malik dan Mushaf al-Masāhah wa al-‘Amīriyyah. Selepas cetakan ini, mashaf tersebut turut diulang cetak di negara lain seperti Jordan. Malah mashaf yang lebih awal dicetak di Mesir iaitu mashaf al-Mukhallilati pada tahun 1891M/ 1308H, didapati juga tanpa penomboran bagi *fasilah*. Walau bagaimanapun sebahagian tempat dalam mashaf ini menggunakan simbol 7 titik dalam bentuk bulatan dan ditengah dengan satu titik yang lebih besar.

RUJUKAN

Mashaf/ Manuskrip al-Quran

Al-Quran al-Karim cetakan Madinah al-Munawarah.

Al-Quran Sumbawa Haji Ismal al-Sawi, Arkib Negara Cawangan Johor.

Al-Quran Pattani, Mini Pameran Al-Quran Dan Kitab-Kitab di Masjid Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Al-Quran al-Faqir ila Allah ‘Alwi bin Ahmad bin Hasan bin ‘Abdullah al-Hadad Ba’alawi.

Al-Quran Turki YWJ68197 MSI.4, Yayasan Warisan Johor (YWJ), Johor Bahru.

Al-Quran Cetakan Matba‘Ah Al-Anwar Al-Muhammadiyah Bernombor 255, Yayasan Warisan Johor (YWJ) bertarikh 9 Jun 1974M bersamaan 18 Jumadil Awal 1394H.

Al-Quran Cetakan Dar Al-Taba‘Ah Al-Misriyyah Al-Kubra, Sulaiman Mar‘i, Singapura tahun 1376H.

Al-Quran Cetakan Syarikat Nur Al-Gharbi Di Johor Bahru, Malaysia.

Al-Quran Al-Faqir Ahmad bin al-Marhum ‘Awad bin Ahmad bin Isa bin ‘Abd al-Kindi, selesai pada hari Ahad, 26 Rejab 1137H.

Al-Quran Bukan Nusantara, Galeri Pusat Islam, Johor.
Empat Buah Mansukrip Al-Quran Turki, Anjung Warisan Dan Kesenian Islam
(AURA ISLAM), Nusajaya, Johor Darul Ta'zim.

Kitab/ Buku/ Jurnal/ dll

- 'Abd al-'Ali al-Mas'ul. 2011. *Mu'jam Mustalahat 'Ilmi al-Qira'at al-Qur'aniyyah wa Ma Yata'allaq bihi*. Cet. 2. Kaherah: Dar al-Salam.
- Abu 'Amru al-Dani al-Andalusi. 1994. *Al-Bayan fi 'Addi Aiy al-Qur'an*. Tahkik: Dr. Ghanim Qadduri al-Hamad. Cet 1. Kuwait: Markaz al-Makhtutat wa al-Turath wa al-Wathaiq.
- Abu 'Amru al-Dani al-Andalusi. 2014. *Al-Bayan fi 'Addi Aiy al-Qur'an*. Tahkik: Muhammad Sayyid 'Abdullah. Cet 1. Kaherah: Dar Ibn Kathir.
- Abu Zaki Ismail & Mohd Yakub @ Zulkifli. 2016. *Penomboran Dalam Mashaf Al-Quran Dan Gagasan Mukjizat Angka*. Jurnal of Social Sciences and Humanities. Special Issue 3 (November 2016) 019-033, ISSN: 1823-884x.
- Asep Saefullah. 2008. *Aspek Rasm, Tanda Baca, dan Kaligafi pada Mushaf-mushaf Kuno Koleksi*. Jurnal Suhuf, Vol. 1 No. 1.
- Jalaluddin al-Suyuti. 2008. *Al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*. Cet. 1. Damshik: Muassasah al-Risalah Nashirun.
- Khairul Anuar. 2020. *Perkembangan Penulisan Khat, Rasm Dan Dabt Dalam Manuskrip Al-Quran Hasil Karya Tokoh Khat Dari Kurun Keempat Hingga Zaman Ridwan Al- Mukhallilati*.
- Mohd Asmadi Yakob, Mohd Ashrof Zaki Yaakob dan Syuhaida Idha binti Abd Rahim. 2014. *Manuskrip Al-Qur'an dan Ilmu-Ilmunya (Ulum Al-Qur'an) di Alam Melayu: Tumpuan Terhadap Manuskrip Ilmu Tajwid*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mohd Nazir Kadir, Riswadi Azmi, Mohd Faizulamri Mohd Saad, Nur Zainatul Nadra Zainol & Mohd Amin Mohd Yunus. 2020. *A Review on the Manuscript of Turkish Quran YWJ68197MSI.4 in Database Management System (DBMS)*. Journal Of Quranic Sciences And Research Vol. 1 No. 1 (2020) 34-41 (e-ISSN : 2773-5532).
- Ridwan bin Muhammad bin Sulaiman al-Mukhallilati. 2009. *Al-Qaul al-Wajib fi Fawasil al-Kitab al-'Aziz*. Tahkik Jamaluddin Muhammad Syaraf. Tanta: Dar al-Sabahah.
- Riswadi Azmi. 2020. *Manuskrip Al-Quran Emas Warisan Kesultanan Terengganu*. Terengganu: Penerbit UMT.
- Riswadi bin Azmi. 2017. *Analisis Terhadap Manuskrip al- Quran Terengganu IAMM 2012.13.6*. Tesis Phd. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur
- Zaki Faddad & Anggi Wahyu Ari. 2021. *Perkembangan Material Al Quran Hingga Ke Indonesia*. Jurnal Ilmu Al-Qur'an Dan Tafsir : Mengkaji Al-Qur'an Dan Tafsir Vol 2 No 1 (2021).

Zaki Faddad SZ & Anggi Wahyu Ari. 2021. *Perkembangan Material Al Quran Hingga Ke Indonesia*. Jurnal Ilmu Al-Qur'an Dan Tafsir : Mengkaji Al-Qur'an Dan Tafsir Vol 2 No 1.
<https://seamushaf.kemenag.go.id/>